



**UNIVERSITI
MALAYA**

PUSAT PERUBATAN UM

Anda dinasihati supaya;

Hadir sekurang-kurangnya 45 minit lebih awal di kaunter Jabatan Pengimejan Bio-Perubatan dari masa janjitemu anda untuk tujuan pendaftaran dan persediaan prosedur.

Sekiranya anda didapati terlewat dari masa yang diberikan, pemeriksaan pengimejan anda tidak akan dijalankan dan ditunda ke tarikh yang lain.

Hadir lebih awal dari masa janjitemu untuk mengelakkan masalah kesesakan lalulintas dan mendapatkan tempat letak kereta di PPUM.

Jika anda tidak dapat hadir, sila hubungi kami:

Tel: 03-79493523 /2526 (kaunter janjitemu)

Sila simpan nombor-nombor kaunter janjitemu Jabatan Pengimejan Bio-Perubatan di dalam telefon bimbit anda sebagai rujukan sekiranya terdapat pindaan pada tarikh janjitemu dari pihak PPUM (03-7949 4411/ 4444/4455/ 4477/ 4488/ 4499).

**JABATAN
PENGIMEJAN BIO-PERUBATAN**

***TOMOGRAFI BERKOMPUTER
(CT SCAN)***

JANJITEMU:

NAMA:.....

NO R/N:.....

TARIKH:

MASA:.....PAGI/PETANG

TARIKH AKHIR HAID:.....

JANJITEMU DIBERI OLEH:.....

NOTA PENTING!!!!

Sila lihat di mukasurat belakang brosur

Pemeriksaan CT Scan.

1. Apakah itu pemeriksaan CT scan?

Mesin CT Scan merupakan mesin sinar-X yang canggih dimana ia digunakan untuk melihat struktur badan, organ dalaman dan juga sistem vaskular atau salur darah.

Agen kontras media akan digunakan bagi tujuan melihat struktur abnormaliti dalaman badan dengan lebih jelas melalui suntikan salur vena pesakit.

2. Apakah yang perlu dibuat sebelum melalui pemeriksaan CT Scan?

Anda akan diminta berpuasa selama 6 jam sebelum pemeriksaan CT Scan.

Anda akan dinasihatkan supaya memaklumkan kepada kakitangan X-ray sekiranya;

- Menghidap alahan terhadap sebarang ubat-ubatan atau makanan
- Sejarah penyakit lelah
- Kemungkinan mengandung

3. Apakah yang akan dialami semasa pemeriksaan CT Scan dijalankan?

Anda akan dibaringkan di atas meja CT Scan dan diminta jangan bergerak sehingga pengimbasan telah tamat.

Semasa agen kontras media disuntik ke salur vena, anda akan terasa panas. Ia adalah perkara biasa yang berlaku dan rangsangan ini akan hilang dalam beberapa saat. Sila maklumkan kepada staf yang bertugas jika terdapat apa-apa perubahan/ masalah selepas penyuntikan dijalankan. Terdapat mikrofon didalam bilik CT Scan dimana staf boleh mendengar anda jika anda memberitahu sesuatu semasa pemeriksaan sedang dijalankan.

4..Berapa lamakah masa yang diambil untuk pemeriksaan CT Scan?

Pemeriksaan CT Scan selalunya mengambil masa antara 5 hingga 30 minit untuk selesai. Anda diminta menunggu sehingga diberi kebenaran untuk pulang. Walaubagaimana masa persediaan pra-skan mungkin mengambil masa selama 1jam mengikut jenis skan yang diperlukan.

Persediaan Pesakit Sebelum Pemeriksaan CT Scan:

Pemeriksaan pagi : Anda dikehendaki berpuasa selama 6 jam sebelum pemeriksaan. (melainkan minum- *disyorkan tidak lebih dari 100 ml air kosong*).

Pemeriksaan petang (2-5 petang) : Anda dibenarkan mengambil sarapan pagi yang ringan dan berpuasa selepas itu.

****pesakit kencing manis dinasihatkan supaya mengambil ubat kencing manis.***

****pesakit hipertensi atau sakit darah tinggi juga dinasihatkan mengambil ubat.***

Pastikan anda tidak mempunyai alahan terhadap ubatan dan makanan laut serta tidak menghidap penyakit lelah/asma. Sekiranya ada, anda diminta mengambil steroid sebelum tarikh pemeriksaan. Preskripsi steroid akan dibekalkan oleh staf kaunter janjitemu Jabatan Pengimejan Bio-Perubatan.

Pemeriksaan bagi wanita hendaklah dijalankan 10 hari dari tarikh pertama haid melainkan pesakit telah '*menopause*' atau pesakit yang mengambil pil pencegah kehamilan.